

# Kajian Rintis Penggunaan Maklumat Perakaunan Akruan dan Impak terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, “SDG”) berdasarkan *Maqasid Syariah*

Rosnia Masruki<sup>1</sup>, Mustafa Mohd Hanefah

*Universiti Sains Islam Malaysia*

<sup>1</sup>Corresponding Author Email: [rosnia@usim.edu.my](mailto:rosnia@usim.edu.my)  
<https://doi.org/10.58458/ipnj.v11.01.05.0071>

Received: 30 June 2021

Reviewed: 22 August 2021

Accepted: 08 November 2021

## Abstrak

**Tujuan:** Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana penggunaan maklumat perakaunan akruan dalam empat aspek; iaitu pembangunan belanjawan, pengurusan liabiliti, pengurusan aset dan penzahiran akauntabiliti, di samping melihat impak penggunaan tersebut terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, “SDG”) berdasarkan *Maqasid Syariah*.

**Rekabentuk Kajian:** Kajian ini melibatkan kementerian dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan edaran soal selidik dalam talian menggunakan *Google Form*. Data kemudiannya dianalisa menggunakan statistik diskriptif dan inferensi.

**Dapatan:** Hasil kajian rintis mendapati semua pemboleh ubah yang digunakan mempunyai nilai *Cronbach's Alpha* yang dapat diterima, iaitu antara 0.617-0.886. Berdasarkan nilai min, dapatan kajian menunjukkan tahap penggunaan maklumat perakaunan akruan berada pada tahap yang tinggi; iaitu dalam pengurusan liabiliti (4.18), pengurusan aset (4.13), penzahiran akauntabiliti (4.12) dan belanjawan (3.73). Malah, responden berpandangan elemen *Maqasid Syariah* (4.25), iaitu menjaga dan melindungi nyawa (*al-nasb*), akal (*al-aql*), harta (*al-mal*), agama (*ad-din*) dan keturunan (*al-nafs*) dipersetujui melebihi Matlamat Pembangunan Lestari, “SDG” (4.13). Melihat kepada kumpulan responden kementerian dan PBT, mereka sependapat di mana secara statistik, tiada perbezaan yang signifikan.

---

Artikel ini adalah sebahagian daripada projek Kajian Penandaarasan Amalan Perakaunan Akruan dan Impak terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) berdasarkan *Maqasid Syariah* yang dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia di bawah Geran Penyelidikan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam Bil. 1 Tahun 2021 (JANM.IPNCPPD.100-3/3/2 Jld. 2(2)).

**Implikasi Kepada Praktis:** Justeru, penandaarasan kementerian terhadap PBT dipercayai relevan namun perlu mengambilkira beberapa aspek seperti tadbir urus, perundangan dan penubuhan organisasi masing-masing. Hasil kajian ini mencadangkan pelaporan yang lebih komprehensif dengan rangka kerja pelaporan yang memetakan laporan korporat kepada SDG berdasarkan *Maqasid Syariah*. Kajian ini berhasrat untuk memantapkan peralihan kepada perakaunan akruan dalam landskap perakaunan sektor awam di Malaysia, di samping melihat impak amalan tersebut terhadap SDG seiring dengan prinsip *Maqasid Syariah*.

**Kata Kunci:** Penggunaan maklumat, perakaunan akruan, Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, "SDG"), *Maqasid Syariah*, kajian rintis.

### **Abstract**

**Purpose:** *The study aims to examine the use of accrual accounting information from four aspects: budget development, liability management, asset management, and accountability discharge, and to examine its impact on Sustainable Development Goals (SDG) based on Maqasid Shariah.*

**Design:** *The study has involved ministries and local authorities (Pihak Berkuasa Tempatan, "PBT"), employing quantitative methodology. Questionnaires have been distributed online using Google Form. Data has been analysed using descriptive and inferential statistics.*

**Findings:** *The pilot study has found that all variables used had acceptable Cronbach's Alpha values of 0.617-0.886. Based on the mean values, the results have shown a high level of utilisation of accrual accounting information in liability management (4.18), asset management (4.13), accountability discharge (4.12) and budgeting (3.73). Moreover, the respondents have shown higher agreement with the elements of Maqasid Shariah (4.25), i.e., the preservation of life (al-nafs), intellect (al-aql), wealth (al-mal), religion (ad-din) and lineage (al-nasab), compared to the Sustainable Development Goals (4.13). Further analysis by groups shows that the ministries and PBT were largely in agreement, as there were no significant differences.*

**Practical Implication:** *Therefore, the benchmarking of PBT to ministries is believed to be relevant, but must account for other aspects, such as governance, legislation and the establishment of their respective organisations. The study reveals that a comprehensive reporting, embodying framework towards SDG based on Maqasid Shariah is essential. Indeed, the study intends to boost the transition to accrual accounting within the public*

*sector accounting landscape of Malaysia, in addition to observing the impact of such practice on the SDG in line with the principles of Maqasid Shariah.*

**Keywords:** *Use of information, accrual accounting, Sustainable Development Goals (SDG), Maqasid Shariah, pilot study.*

## 1.0 Pengenalan

Dasar Transformasi Sektor Awam dalam Model Ekonomi Baru mensasarkan pelaksanaan perakaunan akruan sepenuhnya menjelang tahun 2021, sebagaimana yang diumumkan oleh Kementerian Kewangan dalam Belanjawan 2020. Kerajaan akan beralih sepenuhnya kepada perakaunan akruan bagi memastikan pelaporan hutang dan liabiliti yang lebih telus bagi menjamin tadbir urus yang lebih baik. Malah, selaras dengan piawaian dan pelaporan berasaskan akruan, hutang dan liabiliti tersebut akan dilaporkan mengikut piawaian perakaunan IPSAS. Bukan itu sahaja, pelaporan hutang tersebut akan mengikut tatacara Statistik Hutang Sektor Awam oleh *International Monetary Fund* (IMF) bagi menyediakan maklumat prestasi kewangan kerajaan yang holistik dan komprehensif.

Maklumat sebegini dapat menyokong kepada pengurusan risiko fiskal, disiplin fiskal dan tadbir urus keseluruhannya. Kajian lepas juga membuktikan banyak lagi faedah yang akan diperolehi dengan melaksanakan perakaunan akruan, bermotifkan amnya untuk mengukur prestasi, mengawal kewangan dan menzahirkan akauntabiliti awam (Edwards, 2021). Namun begitu, kejayaan pelaksanaan perakaunan akruan diukur dengan dua aspek: i) Menggunakan pakai perakaunan akruan secara sepenuhnya, bukan lagi digunakan secara bersama perakaunan asas tunai dan asas tunai ubahsuai dan ii) Penggunaan maklumat yang diperolehi daripada perakaunan asas tunai dalam pembuatan keputusan.

Hal sedemikian mencetus idea artikel ini untuk memfokus kepada perihal penggunaan maklumat perakaunan akruan sektor awam di Malaysia bagi menjamin kejayaan pelaksanaannya yang optima sebaliknya, bukan penyebab kepada ketidakcekapan (Tran & Noguchi, 2020). Seajar dengan agenda utama negara yang mensasarkan pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, "SDG") menjelang tahun 2020, impak penggunaan maklumat perakaunan akruan tersebut dilihat ada hubung kaitnya dengan SDG (Rujuk Seksyen 2.3: Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, "SDG")).

Bukan itu sahaja, matlamat SDG juga adalah seajar dengan *Maqasid Syariah* yang menyokong kepada pencapaian matlamat secara holistik. Spesifik artikel ini, ia bertujuan untuk melihat sejauh mana penggunaan maklumat perakaunan akruan dalam empat aspek; iaitu pembangunan belanjawan, pengurusan liabiliti, pengurusan aset dan penzahiran akauntabiliti, di samping melihat impak penggunaan tersebut terhadap SDG berdasarkan *Maqasid Syariah*. Artikel ini bertujuan untuk memantapkan peralihan kepada perakaunan

akruan dalam landskap perakaunan sektor awam di Malaysia, di samping melihat impak amalan tersebut terhadap SDG seiring dengan prinsip *Maqasid Syariah*.

Artikel ini mengandungi lima seksyen. Berikutnya adalah Seksyen 2, merumuskan sorotan kajian yang dibahagikan kepada empat sub-seksyen iaitu, Seksyen 2.1: Gambaran keseluruhan perakaunan akruan, Seksyen 2.2: Amalan and penggunaan perakaunan akruan, Seksyen 2.3: Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, "SDG") dan Seksyen 2.4: *Maqasid Syariah*, manakala Seksyen 3 menerangkan metodologi kajian. Seksyen 4 pula membincangkan hasil dapatan kajian yang dibahagikan kepada empat sub-seksyen, iaitu Seksyen 4.1: Maklumat demografi, Seksyen 4.2: Penggunaan maklumat perakaunan akruan yang dihuraikan berdasarkan empat aspek: belanjawan, pengurusan aset, pengurusan liabiliti dan penzahiran akauntabiliti, Seksyen 4.3: Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, "SDG") dan Seksyen 4.4: *Maqasid Syariah*. Artikel ini diakhiri dengan rumusan di Seksyen 5.

## 2.0 Sorotan Kajian

Seksyen ini akan mengulas kajian lepas yang berkaitan, didahului dengan memberi gambaran keseluruhan perakaunan akruan dan diikuti dengan amalan dan penggunaan perakaunan. Perbincangan juga menyentuh dua aspek berkaitan kajian iaitu, Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, "SDG") dan seterusnya *Maqasid Syariah*.

### 2.1 Gambaran Keseluruhan Perakaunan Akruan

Pada tahun 2015, Perakaunan Asas Akruan telah diumumkan untuk digunakan di semua sektor awam di Malaysia. Rentetan itu, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan kepada kerajaan persekutuan dan negeri untuk menggunakan perakaunan akruan bermula 1 Januari 2018. Kajian lepas membuktikan peralihan kepada perakaunan akruan mengambil masa melebihi 10 tahun untuk dilaksanakan dan menikmati faedah yang dijangkakan. Ini menegaskan bahawa kejayaan pelaksanaan perakaunan akruan dilihat bukan sahaja dari pelaksanaan sepenuhnya, tetapi maklumat yang diperolehi daripada perakaunan akruan tersebut perlu dimanfaatkan secara optimum dalam pembuatan keputusan ke arah menjamin pengurusan kewangan yang lebih berhemat.

Umum mengetahui perakaunan akruan merupakan asas perakaunan bagi pelaporan kedudukan dan prestasi kerajaan yang lebih tepat dan telus. Transformasi daripada perakaunan tunai ubahsui kepada perakaunan akruan adalah menjurus kepada pengurusan fiskal yang lebih cekap dan berkesan (JANM, 2014). Penerimaan penggunaan perakaunan berasaskan akruan oleh kerajaan adalah elemen yang penting untuk mengubah sistem tunai birokrasi berasaskan pentadbiran kepada sistem pengurusan kewangan yang lebih informatif. Ini adalah untuk memastikan segala bekalan maklumat kewangan yang komprehensif boleh dipercayai serta bermakna untuk dipertanggungjawabkan dalam pembuatan keputusan.

Asas tunai dan asas akruan adalah berkaitan dengan pengiktirafan, iaitu bila sesuatu urusan niaga itu akan diiktiraf. Pengiktirafan menjadi satu isu yang signifikan kerana ia boleh mempengaruhi prestasi kewangan sesebuah organisasi bagi sesuatu tempoh masa tertentu. Perakaunan asas tunai adalah merujuk kepada pengiktirafan yang hanya akan dibuat (direkod ke dalam jurnal) berdasarkan kepada penerimaan atau pembayaran tunai sahaja sebagai asas. Ini bermakna, sekiranya sesuatu urusan niaga itu melibatkan penerimaan atau pembayaran secara tertangguh (belum terima atau belum bayar), maka urusan niaga berkenaan tidak akan diiktiraf (direkod) sehinggalah tunai diterima. Dalam asas ini, catatan pelarasan tidak diperlukan dan ia senang untuk diamalkan. Asas akruan pula mengiktiraf urusan niaga pada masa ia berlaku dengan mengambil kira manfaat sebagai asas pengiktirafan. Manfaat di sini termasuklah tunai dan bukan tunai.

## 2.2 Amalan dan Penggunaan Perakaunan Akruan

Negara-negara membangun seperti United Kingdom, Australia, Sweden, Switzerland dan New Zealand antara negara yang dikenali telah melaksanakan perakaunan akruan sejak awal tahun 90an dan telah berjaya meningkatkan kecekapan sektor awam. Di New Zealand misalnya, penggunaan perakaunan akruan selepas negara mengalami kemelesetan ekonomi dan longgokan hutang membuktikan kejayaan mereka pulih daripada belunggu krisis kewangan (Yuliati et al., 2019). Kajian lepas membuktikan pelaksanaan perakaunan akruan digunakan dalam pembangunan belanjawan, pengurusan aset dan liabiliti serta penilaian prestasi dan penzahiran akauntabiliti, walaupun dapatan yang tidak seragam, namun kelebihan penggunaan perakaunan akruan tidak dinafikan (Basnan et al., 2013; Tran & Noguchi, 2020). Yuliati et al., (2019) mengenal pasti isu teknikal merupakan di antara faktor yang menyekat kepada kejayaan pelaksanaan perakaunan akruan, termasuk penilaian aset yang kurang tepat, kekurangan staf yang berkelayakan, kekurangan pengetahuan perakaunan asas akruan dan masalah IT.

Di Jepun, perakaunan akruan telah mula dilaksanakan sejak tahun 2003 untuk memberi gambaran yang komprehensif tentang kedudukan kewangan, terutamanya dari aspek hasil dan perbelanjaan serta menilai prestasi kerajaan (Ministry of Internal Affairs and Communications, 2012). Menurut Tran & Noguchi (2020), kebanyakan pihak berkuasa Tempatan (PBT) di Jepun telah mengguna pakai perakaunan akruan sejak tahun 2009 walaupun ia bukan mandatori, malah ada PBT yang telah bermula seawal tahun 2001 namun ia menjejaskan kecekapan PBT. Masalah kekurangan pengurusan aset dan ketidaksepadanan kegunaan perakaunan asas tunai secara bersama asas akruan dikenal pasti menjadi punca kepada ketidakcekan PBT. Sebaliknya, Lampe et al. (2015) membuktikan amalan perakaunan akruan memberi kesan yang positif kepada kecekapan PBT di Jerman. Oleh sebab itu, walaupun perakaunan asas akruan digunakan, pengurusan aset yang strategik perlu ditingkatkan dan penggunaan belanjawan akruan perlu digunakan sebaiknya untuk menjamin kecekapan sektor awam.

Di Malaysia, Jainal dan Basnan (2018) mengkaji penggunaan maklumat yang dihasilkan daripada perakaunan akruan di PBT dan mereka mendapati penggunaannya dalam pembuatan keputusan adalah tinggi, dalam belanjawan, berbanding pengurusan aset dan liabiliti dan penilaian prestasi. Kajian ini mencadangkan faktor pengalaman mempunyai hubungan yang positif terhadap penggunaan perakaunan akruan dalam pembuatan keputusan, manakala kemahiran dibuktikan sebaliknya. Oleh itu, faktor-faktor berkenaan seharusnya diberi perhatian oleh pihak JANM supaya perakaunan akruan dapat dimanfaatkan faedahnya seperti di negara-negara maju yang lain. Faktor lain yang mempengaruhi ketersediaan pelaksanaan perakaunan akruan telah dikenal pasti dalam kajian lepas (Misalnya Yuliati et al., 2019; Indriani et al., 2018; Ahmad, 2016; Atan & Yahya, 2015), termasuk komitmen organisasi, faktor teknologi dan sumber manusia.

### 2.3 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam Perhimpunan Agung PBB yang diadakan pada September 2015 di New York, Amerika Syarikat telah mengemukakan *Sustainable Development Goals* (SDG) atau Matlamat Pembangunan Lestari untuk dicapai menjelang tahun 2030. SDG 2030 menggariskan 17 matlamat dan antara SDG yang dipercayai relevan dalam konteks perakaunan akruan, antaranya: i) SDG1: Kemiskinan teragah dan kelaparan sifar - perakaunan akruan dapat melaporkan kedudukan kewangan dengan lebih tepat dengan keseimbangan disiplin fiskal dipercayai mampu menyokong kepada belanjawan berhemat yang mampu menyumbang kepada impak sosio-ekonomi; ii) SDG16: Keamanan, keadilan dan institusi berwibawa - perakaunan akruan mampu memberi gambaran kedudukan kewangan institusi sektor awam yang lebih menyeluruh dan tepat; dan iii) SDG11: Bandar dan komuniti yang mampan - PBT telah menggunakan perakaunan akruan lebih dari 20 tahun, sewajarnya mampu mengurus kewangan secara lebih berhemat dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti dan pembangunan setempat yang lebih sejahtera.

Oleh sebab itu, ulasan di akhbar-akhbar tempatan banyak menekankan aspek integriti, tadbir urus korporat dan politik, pentadbiran sektor awam dan penguatkuasaan undang-undang yang merupakan antara prinsip-prinsip utama untuk mencapai SDG 2030. Pelaksanaan perakaunan akruan dilihat adalah merupakan sebahagian usaha ke arah SDG 2030; dilihat sejajar dengan objektif perakaunan akruan (JANM, 2014). Secara prinsipnya, kajian ini akan meneliti amalan pelaksanaan perakaunan akruan dengan melihat impak kepada SDG berdasarkan elemen-elemen yang digariskan dalam *Maqasid Syariah*.

### 2.4 *Maqasid Syariah*

Dalam membincangkan kepelbagaian bidang ilmu, politik dan dasar negara, secara amnya *Maqasid Syariah* telah dihuraikan secara meluas, selain menjadi sebutan di kalangan masyarakat awam (Fisol & Hassan, 2019). Ini kerana istilah *Syariah* itu sendiri mempunyai lima tujuan yang menjadi prinsip *Maqasid Syariah* iaitu menjaga dan melindungi i) agama (*ad-din*) ii) nyawa (*al-nafs*), iii) akal (*al-aql*), iv) keturunan (*al-nasb*) dan v) harta

(*al-mal*), manakala sebarang bentuk perlindungan adalah berkait rapat dengan *masalah* (kepentingan). Kajian lepas merumuskan menjaga *masalah* awam dengan berpegang kepada *Syariah* adalah sangat dituntut untuk kepentingan sekalian alam (Zakariyah et al., 2017). Jika dilihat dalam konteks peralihan kepada perakaunan asas akruan iaitu melibatkan perubahan dasar - piawaian perakaunan kerajaan atau lebih dikenali sebagai *Malaysian Public Sector Accounting Standard* (MPSAS) dengan mensasarkan pelbagai faedah dibincangkan mampu menyokong kepada matlamat SDG berlandaskan prinsip *Maqasid Syariah*.

Hal yang demikian membawa kepada cadangan topik perbincangan kajian ini iaitu tentang perakaunan akruan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji penggunaan maklumat perakaunan akruan dan impak terhadap SDG berdasarkan *Maqasid Syariah* di kalangan kakitangan terlibat di kementerian dan PBT di Malaysia. Kajian ini dipercayai mampu memperkukuhkan lagi usaha JANM dalam melaksanakan sepenuhnya perakaunan asas akruan selepas pindaan Rang Undang-Undang di Parlimen. Ia sebahagian libatsama Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA), JANM bagi mendapatkan maklumbalas keperluan kajian supaya dapatan kajian dapat menyumbang kepada keperluan JANM dan negara secara amnya.

### 3.0 Metodologi Kajian

Kajian rintis ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana pengumpulan data dijalankan melalui kaedah soal selidik secara dalam talian (*online questionnaire*) dengan responden yang telah disasarkan dari Bahagian/Jabatan di Perbendaharaan/Akaun/Kewangan bagi setiap kementerian dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Selain daripada itu, penyelidikan ini telah mendapat kerjasama secara terus daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia melalui Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA), dalam mengenal pasti keperluan kajian dan Institut Perakaunan Negara (IPN), dalam keseluruhan perjalanan kajian termasuk kutipan data berkaitan. Jadual 1 berikut menunjukkan ringkasan populasi dan sampel kementerian dan PBT masing-masing mengikut saiz (berdasarkan definisi Kementerian Kewangan) dan status PBT (bandaraya, perbandaran dan daerah) di Malaysia.

**Jadual 1: Taburan Respon Soal Selidik**

Kumpulan responden	Saiz	Bilangan populasi	Bilangan soal selidik	
			Diemel	Diperolehi semula dan digunakan
Saiz Kementerian	Mega	3	30	4
	Besar	3	30	11
	Sederhana	3	30	2
	Kecil	19	190	16
<b>JUMLAH</b>		<b>28</b>	<b>280</b>	<b>33 (12%)</b>
Status PBT	Bandaraya	8	16	9
	Perbandaran	34	68	5
	Daerah	57	114	7
<b>JUMLAH</b>		<b>99</b>	<b>198</b>	<b>21 (11%)</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>127</b>	<b>478</b>	<b>54</b>

Jadual 1 memperlihatkan kadar respon yang sangat rendah, mengambilkira kekangan tempoh kajian untuk pengumpulan data dalam tempoh yang singkat, ditambah lagi dengan faktor Bekerja Dari Rumah (BDR) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di kalangan responden menyukarkan untuk mereka dihubungi. Justeru, artikel ini dipertimbangkan sebagai kajian rintis menggunakan soal selidik secara dalam talian. Kesemua soal selidik yang diperolehi semula boleh digunakan untuk dianalisa (Rujuk Jadual 6: Demografi Responden). Ini membuktikan kelebihan soal selidik dalam talian kerana soalan yang disediakan ditanda wajib jawab sebelum diteruskan kepada soalan berikutnya, justeru mengelakkan keciciran soalan yang perlu dijawab.

Soalan soal selidik pula dibahagikan kepada 4 bahagian utama dan permulaan soal selidik adalah menjelaskan mengenai keperluan dan kepentingan soal selidik ini dijalankan. Bahagian 1: Demografi responden dan maklumat umum, dan diikuti Bahagian 2: Penggunaan maklumat perakaunan akruan yang mempunyai 4 sub-bahagian, iaitu: a) Penggunaan maklumat perakaunan akruan dalam belanjawan; b) Penggunaan maklumat perakaunan akruan dalam pengurusan aset; c) Penggunaan maklumat perakaunan akruan dalam pengurusan liabiliti; dan d) Penggunaan maklumat perakaunan akruan dalam penzahiran akauntabiliti. Bahagian 3: Maklumat perakaunan akruan dan matlamat pembangunan lestari (*Sustainable Development Goals*, "SDG"). Ini diikuti bahagian terakhir, iaitu Bahagian 4: Maklumat perakaunan akruan dan *Maqasid Syariah*. Ringkasan maklumat pemboleh ubah dan jumlah soalan adalah seperti di Jadual 2.



**Jadual 2: Maklumat Pemboleh Ubah dan Jumlah Soalan Soal Selidik**

Bahagian	Pemboleh Ubah	Adaptasi/ Adopsi	Dibangunkan Sendiri	Jumlah Soalan	
1.	Maklumat Demografi	7	-	7	
	Maklumat Umum	a. Kementerian	-	4	4
		b. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	-	4	4
2.	Penggunaan Maklumat Perakaunan Akruan dalam	a. Belanjawan	5	-	5
		b. Pengurusan Aset	6	-	6
		c. Pengurusan Liabiliti	6	-	6
		d. Penzahiran Akauntabiliti	5	-	5
3.	Maklumat Perakaunan Akruan dan Matlamat Pembangunan Lestari ( <i>Sustainable Development Goals</i> "SDG")	7	-	7	
4.	Maklumat Perakaunan Akruan dan <i>Maqasid Syariah</i>	5	-	5	
<b>JUMLAH</b>		<b>41</b>	<b>8</b>	<b>41</b>	

Soal selidik telah diedarkan secara talian (*online*) kepada responden yang terlibat melalui sistem pengumpulan maklumat responden yang dibangunkan oleh penyelidik, di mana responden terlibat terdiri daripada akauntan dan pegawai kewangan yang menggunakan maklumat perakaunan akruan. Soal selidik menggunakan *Google Form* ini dihantar kepada email setiap wakil kementerian dan PBT yang telah dikenal pasti oleh penyelidik. Ia bermula pada 7 Jun 2021 sehingga 27 Jun 2021 untuk semua responden memberi maklum balas terhadap soal selidik tersebut.

Kajian ini menggunakan statistik deskriptif dan inferensi bagi mendapatkan maklumat yang dikaji. Statistik deskriptif digunakan untuk menghurai data yang diperolehi bagi populasi ataupun sampel dan memerihalkan hasil sesuatu keputusan kajian. Menurut Konting (2000), statistik deskriptif merupakan organisasi dan ringkasan data yang diperolehi daripada pemprosesan data operasinya dan boleh juga melibatkan penjadualan, ilustrasi dalam bentuk rajah atau graf tentang data tersebut. Statistik deskriptif seperti peratusan, min, sisihan piawai dan frekuensi digunakan untuk mentafsir data daripada soal selidik. Analisis ini antara lain bertujuan untuk membuat ringkasan data supaya lebih mudah difahami (Sabitha, 2006).

Skala pengukuran dalam kajian ini adalah skala nominal dan skala ordinal. Skala nominal digunakan untuk mengumpul data demografi responden. Skala ordinal merupakan skala yang mempunyai kategori-kategori yang bebas antara satu sama lain dan skala-skalanya disusun dalam pangkalan data (Chua, 2011). Dalam kajian ini, pengukuran data ordinal adalah menggunakan skala *Likert* lima mata iaitu 1-Sangat tidak setuju, 2-Tidak setuju, 3-Tidak pasti, 4-Setuju, 5-Sangat setuju.

Data dipersembahkan dalam bentuk peratusan, jadual kekerapan dan seumpamanya. Selain itu, ukuran kecenderungan memusat seperti mod, median dan min memberi gambaran tentang ciri-ciri responden kajian manakala ukuran serakan seperti julat dan sisihan piawai pula menghuraikan sejauh mana data-data tersebut berselerak atau serupa antara satu sama lain. Ukuran-ukuran statistik deskriptif ini digunakan bagi menganalisis sebahagian besar maklum balas daripada soal selidik kajian, khususnya berkaitan demografi dan pandangan responden. Pengiraan min skor, julat antara min tertinggi dengan min terendah bagi skala *Likert* dikira untuk mendapatkan selang skala min. Bagi mengetahui tahap nilai min setiap pemboleh ubah yang dikaji, penyelidik mengkategorikan dan menginterpretasikan skor min kepada tiga tahap persetujuan, seperti di Jadual 3.

**Jadual 3: Interpretasi Skor Min dalam Pemboleh Ubah Bebas dan Bersandar**

Julat skala	Interpretasi skor min
1.00 - 2.33	Tahap yang rendah
2.34 - 3.66	Tahap yang sederhana
3.67 - 5.00	Tahap yang tinggi

Sumber: Diubahsuai daripada Pallant (2005)

Jadual 3 menunjukkan interpretasi skor min dalam pemboleh ubah bebas dan bersandar berdasarkan julat skala (Pallant, 2005). Kajian ini juga menjalankan teknik analisis ujian kebolehpercayaan (*reliability test*) yang merujuk kepada ketekalan sesuatu instrumen kajian dalam melahirkan skor yang setara. Guilford dan Fruchter (1978) menyatakan kebolehpercayaan merujuk kepada ketepatan, kestabilan dan ketekalan instrumen yang digunakan daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain. Chua (2011) menyatakan dalam sesuatu kajian kebolehpercayaan merujuk kepada kebolehan suatu kajian untuk memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Dalam bahasa yang lebih teknikal, pengukuran kebolehpercayaan sesuatu ujian membolehkan kita untuk menganggarkan berapa bahagian daripada keseluruhan varian skor adalah ralat varian ralat. Jadual 4 di bawah adalah klasifikasi indeks kebolehpercayaan yang digunakan dalam kajian ini.

**Jadual 4: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan**

Indikator	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i>
Sangat tinggi	0.90 - 1.00
Tinggi	0.70 - 0.89
Sederhana	0.30 - 0.69
Rendah	0.00 - 0.29

Sumber: Diubahsuai daripada Pallant (2005)

Jadual 4 di atas adalah dirujuk. Kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) adalah penting untuk mempertahankan kejituan instrumen. Semakin tinggi nilai dan tahap kebolehpercayaan dan kesahan instrumen, maka semakin jitu data-data yang akan diperoleh bagi menghasilkan kajian yang lebih baik dan berkualiti. Dalam kajian ini, selepas menyemak

reka bentuk soal selidik di kalangan ahli penyelidik, dua panel penilai juga di kalangan pakar di JANM telah dirujuk untuk tujuan kesahan instrumen yang digunakan dalam soal selidik. Seterusnya, untuk memastikan kebolehpercayaan, ujian *Cronbach's Alpha* dijalankan untuk menguji kebolehpercayaan item yang digunakan dalam soal selidik sebelum analisa ini diteruskan. Jadual 5 mempamerkan dapatan nilai *Cronbach's Alpha*.

**Jadual 5: Cronbach's Alpha**

Pemboleh ubah	<i>Cronbach's Alpha</i>	Bilangan Item
Penggunaan Maklumat Perakaunan Akruan	0.907	22
Perakaunan Akruan dan Matlamat Pembangunan Lestari	0.716	7
Perakaunan Akruan dan <i>Maqasid Syariah</i>	0.632	5
<b>Keseluruhan</b>	<b>0.928</b>	<b>34</b>

Perhatikan Jadual 5, kesemua pemboleh ubah sebanyak 34 item, menunjukkan nilai *Cronbach* secara keseluruhan ialah 0.928. Jika dilihat setiap item, nilainya lebih besar daripada 0.6 (Pallant, 2005). Oleh yang demikian, setiap item boleh digunapakai dan membuktikan kebolehpercayaan setiap item yang digunakan dalam soal selidik kajian ini.

#### 4.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan

Perbincangan dapatan kajian ini dibahagikan kepada empat sub-seksyen, dimulakan dengan maklumat demografi, penggunaan maklumat perakaunan, Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals, "SDG"*) dan *Maqasid Syariah*.

##### 4.1 Maklumat Demografi

Latar belakang responden dalam sesuatu kajian adalah penting untuk memastikan soal selidik tersebut dijawab oleh responden yang disasarkan. Ringkasan demografi responden disenaraikan di Jadual 6 berikut:

**Jadual 6: Demografi Responden**

Item	Kategori	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Kumpulan	Kementerian	33	61.1
	PBT	21	38.9
Jantina	Lelaki	18	33.3
	Perempuan	36	66.7
Umur	Di bawah 30 tahun	5	9.3
	31 – 40 tahun	21	38.9
	41 – 50 tahun	18	33.3
	Lebih daripada 50 tahun	10	18.5

Pendidikan	Matrikulasi/STPM/STAM/Diploma	13	24.1
	Ijazah Sarjana Muda	34	63.0
	Ijazah Sarjana	7	13.0
Sijil Profesional	Ya (ACCA; CIMA; CPA; ACMA; CGA; CAM, CIFPA; CA; MIA; Pengurusan Harta.)	18	33.3
	Tidak	36	66.7
Bidang Kepakaran	Tidak	36	66.7
	Perakaunan	40	74.1
	Kewangan	9	16.7
	Pengurusan	2	3.7
	Lain-lain	3	5.6
Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan Tertinggi	4	7.4
	Pengurusan dan Profesional	34	63.0
	Pelaksana	16	29.6
Tempoh Masa Perkhidmatan	5 tahun dan ke bawah	9	16.7
	6 – 10 tahun	7	13.0
	11 – 15 tahun	15	27.8
	16 – 20 tahun	11	20.4
	Lebih daripada 21 tahun	12	22.2

Berdasarkan Jadual 6 di atas, responden kumpulan kementerian (61.1%) melebihi 60% dan PBT (38.9%) hampir 40%. Begitu juga dengan peratusan jantina yang hampir sama di kalangan perempuan (66.7%) dan lelaki (33.3%). Melebihi 51.8% responden berumur 41 tahun dan ke atas menunjukkan kematangan mereka dengan membabitkan melebihi tiga suku (76%) responden mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda. Malah, sepertiga (33.3%) daripada mereka memiliki sijil kelayakan profesional.

Skop kajian yang dijalankan pula berkaitan perakaunan, menepati majoriti (74.1) responden bidang perakaunan yang menjawab soal selidik yang diedarkan, manakala responden yang lain masih lagi dalam bidang berkaitan seperti kewangan dan pengurusan (20.4%) dan lain-lain bidang hanya 5.6%. Jika dilihat kumpulan perkhidmatan responden pula, majoriti (70.4%) di kalangan mereka merupakan daripada kumpulan pengurusan dan profesional dan ke atas, manakala sepertiga (29.6%) lagi adalah pelaksana. Di kalangan responden, majoriti (70.4%) berpengalaman dalam perkhidmatan melebihi 10 tahun. Ini menunjukkan kebanyakan responden yang menjawab soal selidik ini mempunyai pengetahuan dan berpengalaman dalam skop kajian ini iaitu berkenaan dengan perakaunan akruan. Jadual 7 berikutnya memperlihatkan perbezaan min di antara kementerian dan PBT:

**Jadual 7: Perbezaan Min di antara Kementerian dan PBT  
 (Penggunaan Perakaunan Akruan)**

Aspek Penggunaan Maklumat Perakaunan Akruan		Levene's Test for		t-test for Equality of Means			
		F	Sig	t	df	Sig. (2- tailed)	Mean Difference
Keseluruhan	<i>Equal Variances Assumed</i>	0.077	0.782	-0.484	52	0.630	-0.07284
	<i>Equal Variances Not Assumed</i>			-0.485	42.963	0.630	-0.07284
Belanjawan	<i>Equal Variances Assumed</i>	0.006	0.941	-1.112	52	0.271	-0.24329
	<i>Equal Variances Not Assumed</i>			-1.128	44.778	0.265	-0.24329
Pengurusan Aset	<i>Equal Variances Assumed</i>	0.056	0.814	0.333	52	0.741	0.05844
	<i>Equal Variances Not Assumed</i>			0.332	42.592	0.741	0.05844
Pengurusan Liabiliti	<i>Equal Variances Assumed</i>	0.011	0.919	-0.629	52	0.532	-0.12554
	<i>Equal Variances Not Assumed</i>			-0.653	47.795	0.517	-0.12554
Penzahiran Akauntabiliti	<i>Equal Variances Assumed</i>	1.275	0.264	0.128	52	0.899	0.01905
	<i>Equal Variances Not Assumed</i>			0.121	35.422	0.904	0.01905

Berdasarkan Jadual 7, melihat dari segi perbandingan kumpulan di antara kementerian dan PBT dalam penggunaan maklumat yang diperolehi dalam perakaunan akruan, tiada perbandingan kumpulan dan ianya tidak signifikan apabila  $t(52)=-0.484$ ,  $p=0.630$ . Dapatan ujian perbezaan tersebut terpakai kepada kesemua pernyataan penggunaan maklumat perakaunan akruan dalam belanjawan ( $p=0.271$ ), pengurusan aset ( $p=0.741$ ), pengurusan liabiliti ( $p=0.532$ ) dan penzahiran akauntabiliti ( $p=0.899$ ). Ini menjelaskan penandaarasan kementerian terhadap PBT yang lebih mendahului dalam penggunaan perakaunan akruan adalah relevan. Menurut Jainal dan Basnan (2018), PBT di Malaysia telah menggunakan perakaunan akruan sejak 2017. Analisa seterusnya tidak membezakan dapatan kementerian dan PBT memandangkan tiada perbezaan yang signifikan secara statistik.

#### 4.2 Penggunaan Maklumat Perakaunan Akruan

Keseluruhannya, dapatan penggunaan maklumat perakaunan akruan dalam keempat-empat aspek ditunjukkan dengan nilai min dan sisihan piawai seperti di Jadual 8 seterusnya:

**Jadual 8: Nilai Min (Purata) dan Sisihan Piawaian Penggunaan Perakaunan**

Pernyataan	Keseluruhan		Keutamaan
	Min	SP	Min
Penggunaan perakaunan akruan dalam belanjawan	3.737	0.785	4
Penggunaan perakaunan akruan dalam pengurusan aset	4.138	0.624	2
Penggunaan perakaunan akruan dalam pengurusan liabiliti	4.185	0.710	1
Penggunaan perakaunan akruan dalam penzahiran akauntabiliti	4.125	0.527	3
<b>Keseluruhan</b>	<b>4.047</b>	<b>0.535</b>	

Berdasarkan Jadual 8, nilai M=min (purata), kesemua responden bersetuju dengan penggunaannya dalam empat aspek mengikut keutamaan, i. pengurusan liabiliti (M=4.185), ii. pengurusan aset (M=4.138), dan iii. penzahiran akauntabiliti (4.125), tetapi agak bersetuju penggunaannya dalam belanjawan (M=3.737). Dapatan kurang setuju tersebut bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Jainal & Basnan (2018) yang membuktikan sebaliknya. Item yang digunakan dalam instrumen belanjawan mungkin mempengaruhi dapatan kajian. Kajian lain menjelaskan belanjawan adalah merujuk kepada perancangan keperluan kewangan tahun hadapan (Yuliati et al., 2019; Indriani et al., 2018; Ahmad, 2016; Atan & Yahya, 2015). Oleh sebab itu, perakaunan akruan mungkin dilihat kurang digunakan dalam belanjawan. Perincian bagi setiap penggunaan maklumat perakaunan dianalisa kepada 4 bahagian, iaitu: i. Belanjawan; ii. Pengurusan aset; iii. Pengurusan liabiliti; dan iv. Penzahiran akauntabiliti.

#### 4.2.1 Penggunaan Maklumat Akruan dalam Belanjawan

Hasil analisa penggunaan maklumat akruan diperhalusi dengan melihat penggunaannya dalam aspek yang pertama iaitu belanjawan, seperti di Jadual 9 di bawah:

**Jadual 9: Penggunaan Perakaunan Akruan dalam Belanjawan**

Item	Pernyataan	Min	SP	Keutamaan
1.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah untuk tujuan belanjawan secara keseluruhan.	4.037	0.989	3
2.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah sebagai input penyediaan belanjawan dalaman di jabatan anda.	4.111	0.904	2
3.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan kurang membantu dalam membuat keputusan pelaburan utama.	2.592	1.353	5
4.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah untuk membuat keputusan mengenai sumber peruntukan dalam belanjawan.	4.185	0.848	1
5.	Penggunaan maklumat yang diperolehi daripada perakaunan akruan digunakan secara meluas dalam belanjawan.	3.759	0.989	4
	<b>Keseluruhan</b>	<b>3.737</b>	<b>0.785</b>	

Berdasarkan nilai min yang tertinggi, Jadual 9 menunjukkan bahawa responden bersetuju pertamanya dengan item 4 (M=4.185); penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah untuk membuat keputusan mengenai sumber peruntukan dalam belanjawan (Jainal & Basnan, 2018). Keduanya, item 2 (M=4.111); input penyediaan belanjawan dalaman dan ketiga, item 1 (M=4.037) dan bertujuan belanjawan secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, responden kurang bersetuju dengan item 5 (M=3.579); ini bermaksud penggunaan maklumat yang diperolehi daripada perakaunan akruan tidak digunakan secara meluas dalam belanjawan. Manakala responden tidak bersetuju (M=2.592); justeru responden berpandangan bahawa penggunaan maklumat perakaunan akruan dilihat dapat membantu dalam membuat keputusan pelaburan utama.

#### 4.2.2 Penggunaan Perakaunan Akruan dalam Pengurusan Aset

Hasil dapatan penggunaan maklumat akruan juga dianalisa dalam aspek yang kedua, iaitu pengurusan aset seperti di Jadual 10 berikut:

**Jadual 10: Penggunaan Perakaunan Akruan dalam Pengurusan Aset**

Item	Pernyataan	Min	SP	Keutamaan
1.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah untuk mengetahui kedudukan aset jabatan secara keseluruhan.	4.481	0.606	1
2.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah untuk menilai kemampuan aliran tunai jabatan bagi menguruskan aset.	4.333	0.777	2
3.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan oleh jabatan adalah untuk mengoptimumkan penggunaan aset.	4.056	1.035	4
4.	Maklumat perakaunan akruan kurang digunakan untuk merancang pembelian dan penjualan aset.	3.518	1.255	5
5.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah untuk memantau pengurusan aset jabatan dengan lebih cekap.	4.222	0.904	3
6.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah untuk mengurus aset jabatan dengan lebih efisien ( <i>utilize</i> ).	4.222	0.861	3
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.138</b>	<b>0.624</b>	

Jadual 10 menunjukkan bahawa responden bersetuju terhadap kesemua item, kecuali item 4. Min yang tertinggi ialah item 1 (M=4.481); penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah untuk mengetahui kedudukan aset jabatan secara keseluruhan. Ia diikuti dengan item 2 (M=4.333); untuk menilai kemampuan aliran tunai jabatan bagi menguruskan aset. Seterusnya, item 5 dan 6 dengan nilai min yang sama (M=4.222); untuk memantau pengurusan aset jabatan dengan lebih cekap dan mengurus aset jabatan dengan lebih efisien (*utilize*) dan diakhiri dengan item 3 (M=4.056); untuk mengoptimumkan penggunaan aset (Yuliati et al., 2019). Namun begitu, responden tidak bersetuju dengan item 4 (M=3.518); ini menjelaskan bahawa responden percaya maklumat perakaunan akruan adalah digunakan untuk merancang pembelian dan penjualan aset, mengawal kewangan secara amnya (Edwards, 2021).

### 4.2.3 Penggunaan Perakaunan Akruan dalam Pengurusan Liabiliti

Analisa seterusnya dilanjutkan dengan melihat penggunaan maklumat akruan dalam aspek yang ketiga, iaitu pengurusan liabiliti seperti yang dipamerkan dalam Jadual 11 seterusnya:

**Jadual 11: Penggunaan Perakaunan Akruan dalam Pengurusan Liabiliti**

Item	Pernyataan	Min	SP	Keutamaan
1.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah untuk membolehkan liabiliti jabatan dapat digambarkan secara keseluruhan.	4.407	0.687	1
2.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah untuk menilai kemampuan jabatan bagi menghasilkan keperluan aliran tunai.	4.222	0.816	4
3.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah untuk jabatan anda menjelaskan liabiliti jangka pendek.	4.167	0.884	5
4.	Maklumat perakaunan akruan kurang digunakan dalam merancang dan mengurus liabiliti jangka panjang dalam belanjawan.	3.648	1.184	6
5.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah untuk memantau liabiliti jabatan dengan lebih tepat.	4.388	0.762	2
6.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah untuk mengurus liabiliti jabatan dengan lebih menepati masa ( <i>timely</i> ).	4.277	0.919	3
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.185</b>	<b>0.710</b>	

Berdasarkan Jadual 11 di atas, penggunaan perakaunan akruan dalam pengurusan liabiliti turut dipersetujui oleh responden, dengan hanya satu pengecualian. Item 1 (M=4.407) menunjukkan nilai min yang tertinggi; responden bersetuju perakaunan akruan digunakan untuk membolehkan liabiliti jabatan dapat digambarkan secara keseluruhan. Turutan seterusnya adalah item 5 (M=4.388); untuk memantau liabiliti jabatan dengan lebih tepat, item 6 (M=4.277); untuk mengurus liabiliti jabatan dengan lebih menepati masa (*timely*), item 2 (M=4.222); untuk menilai kemampuan jabatan bagi menghasilkan keperluan aliran tunai dan item 3 (M=4.167); untuk jabatan menjelaskan liabiliti jangka pendek (Basnan et al., 2013; Tran & Noguchi, 2020). Sebaliknya, responden kurang bersetuju dengan item 4 (M=3.518) yang menjelaskan bahawa maklumat perakaunan akruan sebenarnya digunakan dalam merancang dan mengurus liabiliti jangka panjang dalam belanjawan (Yuliati et al., 2019).

### 4.2.4 Penggunaan Perakaunan Akruan dalam Penzahiran Akauntabiliti

Dapatan bagi penggunaan maklumat akruan diakhiri dengan aspek keempat, iaitu penzahiran akauntabiliti seperti paparan di Jadual 12 berikutnya:



**Jadual 12: Penggunaan Perakaunan Akruan dalam Penzahiran Akauntabiliti**

Item	Pernyataan	Min	SP	Keutamaan
1.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah untuk menzahirkan akauntabiliti jabatan secara keseluruhan.	4.407	0.599	4
2.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah penting bagi tujuan pelaporan yang komprehensif.	4.537	0.573	1
3.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan dapat mempertingkatkan ketelusan dalam pengurusan kewangan jabatan.	4.463	0.635	2
4.	Maklumat perakaunan akruan kurang membantu jabatan anda untuk mewujudkan tadbir urus yang baik.	2.778	1.436	5
5.	Penggunaan maklumat perakaunan akruan dapat menghasilkan pelaporan yang lestari.	4.444	0.603	3
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.125</b>	<b>0.527</b>	

Dapatan Jadual 12 menunjukkan responden paling bersetuju pertama, dengan item 2 (M=4.537); penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah penting bagi tujuan pelaporan yang komprehensif (Jainal & Basnan, 2018). Kedua, item 3 (M=4.463); penerapan perakaunan asas akruan dapat meningkatkan imej organisasi. Ketiga, item 5 (M=4.444); penggunaan maklumat perakaunan akruan dapat menghasilkan pelaporan yang lestari. Keempat, item 1; bagi tujuan menzahirkan akauntabiliti jabatan secara keseluruhan (Basnan et al., 2013; Tran & Noguchi, 2020; Edwards, 2021). Berbeza dengan item lain, responden tidak bersetuju dengan item 4 (M=2.778). Responden menegaskan bahawa maklumat perakaunan akruan mampu membantu jabatan untuk mewujudkan tadbir urus yang baik.

### 4.3 Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, “SDG”) dan Maklumat Perakaunan Akruan

Analisa penggunaan maklumat perakaunan akruan dalam kajian ini dihubungkan dengan SDG, dapatan analisis diperlihatkan di Jadual 13 berikut:

**Jadual 13: Maklumat Perakaunan Akruan dan SDG**

Item	Pernyataan	Min	SP	Keutamaan
1.	Penggunaan perakaunan asas akruan dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara.	4.351	0.619	3
2.	Penerapan perakaunan asas akruan dapat mendorong perkembangan teknologi yang lebih baru.	4.259	0.619	6
3.	Penerapan perakaunan asas akruan dapat meningkatkan imej organisasi.	4.388	0.626	2
4.	Penggunaan perakaunan asas akruan kurang membantu dalam perbelanjaan berhemah dan pengurangan pembaziran sumber.	2.667	1.387	7
5.	Penggunaan perakaunan asas akruan memerlukan latihan dan kursus untuk meningkatkan pengetahuan.	4.648	0.554	1
6.	Penggunaan perakaunan asas akruan dapat mengoptimumkan tugas.	4.296	0.743	5
7.	Penggunaan perakaunan asas akruan dapat memastikan keseimbangan dan penyelarasan dalam pembangunan jabatan/institusi.	4.330	0.672	4
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.134</b>	<b>0.481</b>	

Jadual 13 menunjukkan hasil analisis item berkaitan perakaunan akruan dan SDG. Responden bersetuju dengan kesemua item 1-7, seperti yang diperlihatkan dalam jadual berkenaan, kecuali item 4. Daripada tujuh item, item 5 menampakkan nilai min yang tertinggi (M=4.648); responden paling bersetuju bahawa penggunaan perakaunan asas akruan memerlukan latihan dan kursus untuk meningkatkan pengetahuan. Ini dapat dilihat dengan usaha yang berterusan secara berkala oleh JANM dengan penubuhan Pasukan Pelaksana Perakaunan Akruan (PPPA) sejak tahun 2011. Ini adalah seiring dengan SDG 16 dengan mensasarkan sebuah institusi yang berwibawa dan menjelaskan impak perakaunan akruan terhadap SDG untuk dicapai.

Seterusnya, secara turutan nilai min ia diikuti dengan item 3 (M=4.388); penggunaan perakaunan akruan turut dapat meningkatkan imej organisasi, item 1 (M=4.351); ia dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara, item 7 (M=4.330); untuk memastikan keseimbangan dan penyelarasan dalam pembangunan jabatan/institusi, item 6 (M=4.296); dapat mengoptimumkan tugas, dan item 2 (M=4.259); mendorong perkembangan teknologi yang lebih baru. Sungguhpun begitu, responden tidak bersetuju dengan item 4 (M=2.667). Secara jelas, responden mempercayai penggunaan perakaunan asas akruan dapat membantu dalam perbelanjaan berhemah dan mengurangkan pembaziran sumber. Analisa disambung pula dengan melihat perbezaan min antara kumpulan responden tersebut bagi perakaunan akruan dan SDG seperti yang ditunjukkan selanjutnya di Jadual 14:

**Jadual 14: Perbezaan Min antara Kumpulan Kementerian dan PBT (SDG)**

		Levene's Test for		t-test for Equality of Means			
		F	Sig	T	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference
Perakaunan Akruan & SDG	Equal Variances Assumed	0.284	0.596	-0.014	52	0.989	-000186
	Equal Variances Not Assumed			-0.013	35.785	0.990	-000186

Jadual 14 memperlihatkan tiada perbandingan kumpulan dan tidak signifikan apabila  $t(52)=-0.014$ ,  $p=0.989$ . Justeru, sama seperti hasil analisa sebelumnya nilai keseluruhan min tanpa membezakan kumpulan responden kementerian dan PBT sudah memadai untuk menghuraikan dapatan kajian ini.

**4.4 Maqasid Syariah dan Maklumat Perakaunan Akruan**

Dapatan penggunaan maklumat perakaunan akruan diakhiri dengan menganalisa hubung kaitnya dengan *Maqasid Syariah* seperti ditunjukkan di Jadual 15 berikut:

**Jadual 15: Maklumat Perakaunan Akruan dan *Maqasid Syariah***

Item	Pernyataan	Min	SP	Keutamaan
1.	Penggunaan perakaunan asas akruan adalah untuk memastikan amalan pengurusan kewangan terbaik ke arah menzahirkan akauntabiliti jabatan/institusi.	4.518	0.574	1
2.	Penggunaan perakaunan asas akruan dapat memastikan penerapan nilai-nilai prinsip Islam (contoh: amanah, adil, ihsan dan telus).	4.370	0.681	3
3.	Perakaunan asas akruan kurang digunakan dalam penyediaan belanjawan dengan adil dan saksama untuk kesejahteraan rakyat.	3.611	1.172	4
4.	Penggunaan perakaunan asas akruan dapat meningkatkan tahap pengetahuan dalam memastikan kecekapan pegawai yang terlibat.	4.388	0.626	2
5.	Penggunaan perakaunan asas akruan dapat meningkatkan pemilikan aset yang optimal untuk dimanfaatkan bagi kegunaan awam.	4.388	0.656	2
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.256</b>	<b>0.492</b>	

Jadual 15 mempamerkan analisis nilai min yang menunjukkan persetujuan responden terhadap kesemua item maklumat perakaunan akruan dan *Maqasid Syariah*. Min yang tertinggi pada item 1 (M=4.518); menjelaskan penggunaan perakaunan asas akruan adalah untuk memastikan amalan pengurusan kewangan terbaik ke arah menzahirkan akauntabiliti jabatan/institusi. Dapatan tersebut seiring dengan prinsip *Maqasid Syariah* iaitu ke arah pemeliharaan keturunan (*al-nasb*). Seterusnya, ia diikuti oleh item 4 dan 5 dengan nilai min yang sama (M=4.388); penggunaannya dapat meningkatkan tahap pengetahuan dalam memastikan kecekapan pegawai yang terlibat dan meningkatkan pemilikan aset yang optimal untuk dimanfaatkan bagi kegunaan awam. Masing-masing menyokong kepada prinsip *Maqasid Syariah* untuk memelihara akal (*al-aql*) dan harta (*al-mal*), serta diakhiri dengan item 2 (M=4.370); memastikan penerapan nilai-nilai prinsip Islam (contoh: amanah, adil, ihsan dan telus), sepertimana yang dituntut untuk memelihara agama (*ad-din*).

Walau bagaimanapun, responden kurang bersetuju dengan item 3 (M=3.611). Jelasnya, mereka meyakini perakaunan asas akruan dapat digunakan dalam penyediaan belanjawan dengan adil dan saksama untuk kesejahteraan rakyat. Dalam konteks ini, ia mempunyai hubung kait dengan memelihara nyawa (*al-nafs*), sebagaimana turut ditegaskan dalam prinsip *Maqasid Syariah*. Dapatan kajian ini jelas menyokong kesemua lima prinsip tersebut (Zakariyah et al., 2017). Analisis seterusnya menguji perbezaan min di antara kumpulan responden seperti di Jadual 16:

**Jadual 16: Perbezaan Min antara Responden Kementerian dan PBT (*Maqasid Syariah*)**

		Levene's Test for		t-test for Equality of Means			
		F	Sig	t	df	Sig. (2- tailed)	Mean Difference
Perakaunan Akruan dan Maqasid Syariah	<i>Equal Variances Assumed</i>	4.920	0.031	0.094	52	0.926	0.01299
	<i>Equal Variances Not Assumed</i>			0.085	30.753	0.933	0.01299

Jadual 16 menunjukkan dari segi perbandingan kumpulan bagi perakaunan akruan dan *Maqasid Syariah* adalah tiada perbezaan dan tidak signifikan apabila  $t(52)=0.095$ ,  $p=0.926$ ; menjelaskan tiada keperluan untuk membezakan dapatan kumpulan responden antara kementerian dan PBT.

### 5.0 Rumusan

Secara konklusif, kajian rintis ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana penggunaan maklumat yang diperolehi dari perakaunan akruan diamalkan di kalangan kementerian dan PBT di Malaysia. Penggunaan tersebut dilihat dalam empat aspek; belanjawan, pengurusan aset, pengurusan liabiliti dan penzahiran akauntabiliti, di samping melihat impak terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, "SDG") berdasarkan *Maqasid Syariah*. Dapatan kajian ini membuktikan tiada perbandingan yang signifikan di antara kementerian dan PBT. Justeru, penandaarasan kementerian terhadap PBT adalah relevan dalam memastikan penggunaan maklumat perakaunan akruan dimanfaatkan secara optimum, memandangkan PBT telah mendahului kementerian dalam mengamalkan perakaunan akruan.

Kajian ini membuktikan penggunaan maklumat perakaunan akruan secara turutan: i) Pengurusan liabiliti - menggambarkan liabiliti secara keseluruhan; ii) Pengurusan aset - mengetahui kedudukan aset secara keseluruhan; iii) Penzahiran akauntabiliti - menyokong kepada pelaporan yang lebih komprehensif; dan iv) Belanjawan - menentukan peruntukan sumber belanjawan. Dalam usaha memastikan kejayaan perakaunan akruan, penggunaannya perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Oleh yang demikian, responden menegaskan keperluan latihan dan kursus perlu diteruskan bagi menjamin kejayaan pelaksanaan perakaunan akruan melalui impak penggunaannya terhadap SDG. Impak tersebut dikenal pasti seiring dengan kelima-lima prinsip *Maqasid Syariah* dalam memelihara dan melindungi secara keutamaannya: i) Nyawa (*al-nasb*); ii) Akal (*al-aql*), iii) Harta (*al-mal*); iv) Agama (*ad-din*); dan v) Keturunan (*al-nafs*). Kajian ini mencadangkan pelaporan yang lebih komprehensif dengan rangka kerja pelaporan yang memetakan laporan korporat kepada SDG berdasarkan *Maqasid Syariah*. Ia dipercayai merupakan salah satu sistem sokongan dengan pelaporan yang lebih komprehensif untuk memberi gambaran keseluruhan supaya misi dan visi organisasi dapat dicapai melalui keseimbangan disiplin fiskal dan pengurusan kewangan yang lebih efektif.

Sungguhpun begitu, dapatan kajian ini perlu ditafsir dengan mengambilkira beberapa limitasi kajian. Misalnya, penggunaan maklumat perakaunan akruan tertakluk kepada instrumen yang digunakan dalam soal selidik sahaja. Jelasnya, kajian rintis ini hanya membabitkan responden yang sangat kecil berbanding populasi disebabkan kekangan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) dan tempoh kajian yang singkat. Walau bagaimanapun, dapatan kajian dipercayai dapat menjadi platform untuk merungkai hubungan kait penggunaan maklumat perakaunan akruan dan melihat impak terhadap SDG berdasarkan *Maqasid Syariah*. Kajian akan datang boleh mensasarkan kumpulan responden yang lebih besar dan melanjutkan kajian ini dengan kaedah kualitatif untuk mendapatkan kefahaman yang lebih meluas dan mendalam.

## Rujukan

- Ahmad, N. N. (2016). Investigating the Factors Influencing Users' Resistance towards Accrual Accounting. *Procedia Economics and Finance*, 35(October 2015), 17–26.
- Atan, R., & Yahya, F. M. (2015). Accrual Accounting Change: Malaysian Public Sector Readiness. *Journal of Management Research*, 7(2), 459.
- Basnan, N., Md.Salleh, M. F., Ahmad, A., Harun, A., & Harun, A. M. (2013). Ke arah pelaksanaan perakaunan asas akruan di Malaysia: Cadangan perakaunan dan perundangan bagi aset warisan. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 3(1), 17–66.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah Penyelidikan, Buku 1, Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Edwards, J. R. (2021). Cash to accruals accounting in British central government: A journey through time. *Financial Accountability and Management*, 1–20.
- Fisol, W. N. M., & Hassan, N. S. A. (2019). Belanjawan 2019 Melalui Pendekatan Maqasid Syariah, *Jurnal Dunia Perniagaan*, 1(2), 1-10.
- Guilford, J. P., & Fruchter, B. (1978). *Fundamental statistics in psychology and education*, New York: McGraw Hill.
- Indriani, M., Mulyany, R., Nadirsyah, N., & Munandar, W. (2018). Readiness of Local Government in the Implementation of Accrual Accounting: The Case of Local Government in Aceh, Indonesia. *Jurnal Dinamika Akuntansi Dan Bisnis*, 5(1), 87–100.

- Jainal, J., & Basnan, N. (2018). Penggunaan maklumat perakaunan akruan pihak berkuasa tempatan di malaysia. *International Journal of Business, Economics and Law*, 15(1), 1–12.
- JANM (2014). Latar Belakang. Perakaunan Akruan. Dilayari daripada <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/Latar-Belakang.aspx> pada 17 Mac 2021.
- Konting, M. M. (2000). *Asas Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Lampe, H. W., Hilgers, D., & Ihl, C. (2015). Does accrual accounting improve municipalities' efficiency? Evidence from Germany. *Applied Economics*, 47(41), 4349–4363.
- Ministry of Internal Affairs and Communications (MIC). (2012). The situation in the local governments of the preparation of the financial statements for 2010. MIC Press, 1–9.
- Pallant, J. (2005). *SPSS Survival Manual*. Philadelphia: Open University Press.
- Sabitha, M. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Edu system Sdn. Bhd.
- Tran, T. V., & Noguchi, M. (2020). Public efficiency in Tokyo's metropolitan local governments: The role of asset utilization and budgeting. *Public Money and Management*, 0962, 954–962.
- Yuliati, R., Yuliansyah, Y., & Adelina, Y. E. (2019). The implementation of accrual basis accounting by Indonesia's local governments. *International Review of Public Administration*, 24(2), 67–80.
- Zakariyah, L., Mohd Noor, A., & Mhd Sharif, S. (2017). Accounting practices and charitable giving: Integrating Maqasid al-Shariah Framework for tabung masjid in Malaysia. *International Journal of Applied Business and Economic Research*, 15(16), 495–514.